

BORANG PENYERTAAN

Nama Sekolah : _____

Alamat: _____

Tel : _____ Fax: _____

Email : _____

Nama Guru Pengiring: _____

H/P(Guru) : _____

Pihak sekolah berminat untuk menyertai **EKSPLORASI WARISAN** dan akan menghantar seramai 4 guru dan 40 pelajar darjah / tingkatan _____ pada tarikh _____ untuk program

- Traditional Customs & Practices in George Town
- Early Settlements of George Town
- The Early Secret Societies in George Town
- George Town Cultural Heritage Trail

Sila pangkakas (X) untuk SATU PROGRAM **EKSPLORASI WARISAN SAHAJA.**

Diluluskan oleh,

Guru Besar/ Pengetua

.....

Tandatangan

Nama:

Tarikh:

Cop Rasmi Sekolah:



Sila faks borang penyertaan ke +604-261 6605 atau hantarkan ke alamat seperti tertera di bawah.
Sebarang maklumat lanjut sila hubungi En. Lim Chung Wei

Alamat : George Town World Heritage Incorporated
116 & 118, Lebuh Acheh, 10200 Penang
Telefon : +604 261 6606
Faks : +604 261 6605
Website : www.gtwi.com.my
Emel : chungwei@gtwi.com.my

* Program pendidikan **EKSPLORASI WARISAN** ini dijalankan oleh para sukarelawan Friends of George Town Heritage (FOGTH) di bawah pengendalian George Town World Heritage Incorporated (GTWHI).

ANJURAN



DENGAN KERJASAMA
arts~ED



PROGRAM PENDIDIKAN **EKSPLORASI WARISAN** UNTUK PELAJAR SEKOLAH



Melaka & George Town
Historic Cities of
the Straits of Malacca

Program Pendidikan EKSPLORASI WARISAN

Pengenalan :

Pada 7 Julai 2008, Melaka dan George Town telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia dibawah kategori warisan budaya oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai " Bandar – bandar Bersejarah Selat Melaka ". Pengiktirafan ini diberi kerana keunikan sejarah dan nilai-nilai sosial serta kepelbagaian budaya, bangsa dan seni-bina yang terdapat di George Town dan Melaka. Justeru itu, adalah penting untuk kita menghargai dan memahami warisan unik kita.

EKSPLORASI WARISAN bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengalami sendiri keunikan kepelbagaian budaya yang terdapat di George Town pada hari ini. Kepelbagaian budaya ini jelas terbukti dalam aktiviti-aktiviti perdagangan dan perniagaan awal, makanan, kraf dan senibina di George Town.

EKSPLORASI WARISAN ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para pelajar untuk pembelajaran memahami bidang sejarah, geografi, budaya dan identiti. Objektif utama program ini adalah melibatkan para pelajar secara aktif untuk melalui pendidikan formal yang dipelajari di sekolah dan diaplikasikan keatas kerja lapangan ini.

Pendekatan program pendidikan interaktif ini memberi tumpuan kepada pembelajaran melalui pengalaman dan membenarkan para pelajar untuk:-

- bertanya soalan kritikal
- berfikir secara sistematis
- menggunakan sistem deria
- mengetahui impak dan kesan sejarah
- memahami kepentingan budaya

Objektif :

- 1) Untuk memupuk kesedaran para pelajar tentang kepentingan dan keunikan aset budaya dan sejarah George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO
- 2) Untuk meluaskan pemahaman dan persepsi para pelajar tentang warisan
- 3) Untuk para pelajar memahami sejarah kewujudan kepelbagaian budaya dan masyarakat di Pulau Pinang

Kumpulan Sasaran:

- Peserta: Pelajar Darjah 4 ke atas
Tempoh: 3 jam
Bahasa Perantaraan: Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Mandarin

Aturcara Program:

- 8.15-8.30 pagi: Ketibaan dan penyusunan peserta
8.30-11.30pagi: Jejak warisan & Aktiviti-aktiviti Interaktif

Tempat Berkumpul dan Bersurau

Sila mendapat maklumat terkini daripada Pejabat George Town World Heritage Incorporated Tel: 04-261 6606 (Lim Chung Wei 012-207 5140)

Semua Peserta dikehendaki membawa :

- Alat tulis (pensel /pen dan buku catatan)
- Minuman / Sarapan Pagi
- Topi / Payung

Peserta program Early Settlements of George Town sahaja perlu membawa

- Alat tulis (pensel dan buku catatan)
- Minuman / Sarapan Pagi
- Topi / Payung
- Kamera / Handphone yang berfungsi kamera
- RM1.00 yuran masuk ke bangunan bersejarah

Syarat-syarat dan peraturan untuk peserta / sekolah/institusi

- Program Pendidikan Eksplorasi Warisan adalah percuma atau dasar 'first come first served'. Keutamaan diberikan kepada semua sekolah/institusi yang terletak di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town.
- Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar SATU kumpulan (40 orang) peserta untuk program percuma ini.
- Sekolah / institusi perlu menyediakan pengangkutan sendiri untuk menghantar peserta pergi dan balik ke lokasi program dan digalak menyediakan makanan kepada peserta. Semua kos pengangkutan, kos peribadi dan/atau sebarang kos perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai program ini adalah tanggungjawab peserta/sekolah/institusi sepenuhnya.
- Setiap peserta adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan masing-masing. Peserta/sekolah/institusi akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian dalam program ini. Peserta/sekolah/institusi bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan pihak GTWHI terhadap sebarang liabiliti. Walau bagaimanapun langkah-langkah tertentu akan di ambil oleh GTWHI bagi tujuan keselamatan para peserta. Sekolah/Institusi digalakkan untuk mendapatkan perkhidmatan insurans untuk setiap peserta yang dihantar ke program ini.
- GTWHI berhak menggunakan gambar program dan/ atau peserta sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti dan peserta/sekolah/institusi tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.
- Tempahan dan pengesahan untuk Program Pendidikan Eksplorasi Warisan mestilah dibuat dalam tempoh tiga minggu sebelum tarikh program.